

# **BAHAGIAN III**

## **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI**





## **BAHAGIAN III**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI**

#### **Perkara Utama**

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan Penyata kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak sembilan BBN dan dua PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit.
- Bagi penyata kewangan tahun 2021, hanya lima daripada 12 penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2022. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang; Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang; dan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Baki tujuh penyata kewangan iaitu empat BBN, dua PBT dan satu MAI masih dalam proses pengauditan.

##### **Apa Yang Disyorkan Audit**

- Kerjasama semua peringkat di Agensi Negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Jabatan Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan, sistem kawalan dalaman yang berkesan diamalkan dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditabile* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga

- Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dengan dokumen sokongan; dan
- agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

### **BAHAGIAN III**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>Bilangan Agensi Negeri</b>	<b>12 Akaun Agensi</b>
<b>PRESTASI</b>	
<b>KEWANGAN</b>	<b>5</b> Pendapat Tanpa Teguran
<b>AGENSI NEGERI</b>	<b>7</b> Belum Disahkan
<b>TAHUN 2021</b>	
<b>1</b> Majlis Agama Islam	

#### **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan Agensi Negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 12 penyata kewangan agensi tahun 2021 yang terdiri daripada sembilan BBN, dua PBT dan satu MAI. Daripada jumlah tersebut, sembilan merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, dua penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengaudit terhadap penyata kewangan bagi enam BBN dan satu MAI manakala pengaudit terhadap baki tiga BBN dan dua PBT dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengaudit bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

### **3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

3.1. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua sembilan BBN dan dua PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	18.04.2022
2.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	09.05.2022
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	28.04.2022
4.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	27.04.2022
5.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	27.04.2022
6.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	21.04.2022
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	12.05.2022
8.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	24.06.2022
9.	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang	24.06.2022
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	22.04.2022
2.	Majlis Bandaraya Seberang Perai	29.04.2022
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	30.06.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditabile*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dokumen

sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) dan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 yang mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	3
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	5
3.	Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Pemegang Amanah	3
4.	Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)	1
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

#### 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

## **5.1. Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

### **5.1.1. Perenggan Penekanan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

### **5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

### **5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]**

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

## **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai (*Modified Opinion*) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (*material misstatement*) atau juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (*Modified Opinion*) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (*Adverse*) dan Penafian Pendapat (*Disclaimer*).

### **5.2.1. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

### **5.2.2. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### **5.2.3. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan lima daripada 12 penyata kewangan tahun 2021. Penyata kewangan tersebut melibatkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang; Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang; Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang; dan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang yang telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit bagi tempoh tahun 2018 sehingga 2021 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**JENIS PENDAPAT AUDIT BAGI TEMPOH TAHUN 2018 SEHINGGA 2021**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	9	7	6	5
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matter	0	3	0	0
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Other Matter	2	1	4	0
4.	Pendapat Berteguran	0	0	1	0
5.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0
6.	Penafian Pendapat	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>5*</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 - 2021

Nota: (\*) – Penyata kewangan yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2022

#### **5.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020**

5.4.1. LKAN mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat (02 Disember 2021) dan Dewan Undangan Negeri (30 Mei 2022) hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi tiga penyata kewangan agensi negeri. Satu penyata kewangan tersebut telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dan dua Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (OM). Baki lapan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 tidak dilaporkan dalam LKAN tersebut kerana belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2021.

5.4.2. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua lapan penyata kewangan tersebut telah disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan ialah tiga penyata kewangan BBN, satu PBT dan MAI diberikan Pendapat Tanpa Teguran, satu BBN dan satu PBT diberikan Pendapat Tanpa Teguran (OM) dan satu penyata kewangan BBN diberikan Pendapat Berteguran. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4** dan **Jadual 5**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *OTHER MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>OTHER MATTER</i></b>		
1.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (Perbadanan)	Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Perbadanan telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) pada 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan.
2.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	MBPP hendaklah memastikan kawalan terhadap pengurusan penghutang dan pentadbiran kontrak dilaksanakan dengan lebih teratur bagi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod penghutang diselenggara dengan tepat dan kemas kini serta pengesahan penghutang dilaksanakan bagi memastikan penghutang dinilai dengan betul. Tindakan berterusan diambil untuk mengurangkan tunggakan semua penghutang.</li> <li>• Memastikan semua dokumen kontrak disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>		
1.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	Baki simpanan tetap di Maybank Berhad berjumlah RM20,000 tidak dapat disahkan kerana pihak Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free tidak mengemukakan pengesahan baki simpanan tetap bagi tujuan pengauditan. Selain itu, faedah simpanan tetap berjumlah RM2,888.24 di CIMB Bank Berhad dan Maybank Berhad tidak direkodkan dalam buku tunai. Ini menyebabkan faedah simpanan tetap yang direkodkan tidak tepat dan terkurang nyata.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di DUN. Akta Kerajaan Tempatan 1976 pula menghendaki satu salinan penyata kewangan Pihak Berkusa Tempatan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkusa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN. Menurut Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971, penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak perlu dibentangkan di DUN tetapi hanya memadai dihantar kepada Ketua Menteri. Bagi Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, tiada keperluan dalam Enakmen (Pentadbiran)

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 untuk membentangkannya di DUN. Bagaimanapun bagi Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free tahun 2020 telah diputuskan oleh Jabatan Kewangan Negeri tidak dibentangkan di DUN.

6.2. Sebanyak lapan daripada 11 penyata kewangan tahun 2020 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN Pulau Pinang pada tahun 2021. Butiran seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI TAHUN 2020**  
**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
<b>PENYATA KEWANGAN 2020</b>		
1.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	26.11.2021
2.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	26.11.2021
3.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	26.11.2021
4.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	26.11.2021
5.	Majlis Bandaraya Seberang Perai	26.11.2021
6.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	26.11.2021
7.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	26.11.2021
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	26.11.2021
9.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	Tidak Dibentangkan

Sumber: Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Nota: DUN – Dewan Undangan Negeri

## 7. RUMUSAN AUDIT

Sehingga 31 Ogos 2022, hanya lima daripada 12 penyata kewangan agensi negeri telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran, manakala baki tujuh penyata kewangan iaitu empat BBN, dua PBT dan satu MAI masih dalam proses pengauditan.

## 8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di Agensi Negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Jabatan Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan, sistem kawalan dalaman yang berkesan diamalkan dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 8.1. agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dengan dokumen sokongan; dan
- 8.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

